

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Kajian ini dibuat untuk melihat kurikulum tersembunyi iaitu mengenai perlakuan guru dan respon pelajar terhadap perlakuan tersebut semasa pengajaran dijalankan di bilik darjah. Bab ini akan menjelaskan metodologi kajian iaitu mengenai tempat kajian, sampel, alat kajian, hipotesis kajian, reka bentuk kajian dan penganalisaan data. Bab ini juga akan menghuraikan kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mengumpulkan data kajian. Penyelidikan dijalankan dengan kerjasama dan bantuan pihak sekolah iaitu pentadbir, guru-guru serta pelajar di sebuah sekolah menengah di daerah Raub, Pahang Darul Makmur.

3.2 Metodologi Kajian

3.2.1 Tempat Kajian

Kajian ini di jalankan di Sekolah Menengah Kebangsaan Dong, Raub, Pahang Darul Makmur. Sekolah ini mempunyai guru seramai 55 orang dengan pelajar seramai 1000 orang semasa kajian dijalankan. Sekolah ini mempunyai pelajar yang belajar dari tingkatan satu hingga tingkatan lima. Sekolah ini merupakan sekolah satu sesi.

3.2.2 Sampel Kajian

Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar tingkatan empat. Mereka berumur antara 15 hingga 16 tahun. Sampel seramai 20 orang yang dipilih dari sebuah kelas yang digunakan bagi kajian ini. Mereka dipilih secara rawak daripada 29 orang pelajar di kelas tersebut. Kesemua sampel yang dipilih adalah pelajar perempuan kerana kelas ini terdiri daripada pelajar perempuan. Sampel yang dipilih ini juga tidak mengambil kira keturunan. Dari segi pencapaian pelajar ini mempunyai pencapaian yang sederhana berdasarkan keputusan Peperiksaan Penilaian Menengah Rendah.

3.2.3 Alat Kajian

Penilaian terhadap kurikulum tersembunyi telah dijalankan melalui pemerhatian dan temubual berstruktur. penyelidik bertindak sebagai pemerhati untuk memperolehi perlakuan-perlakuan guru yang dikira sebagai kurikulum tersembunyi. Manakala sampel pelajar juga dipilih sebagai pemerhati untuk mendapatkan perlakuan-perlakuan guru (kurikulum tersembunyi). Pemerhatian untuk menentukan jenis-jenis perlakuan ini dilakukan selama 40 minit bagi seorang guru yang diperhatikan. Kajian seperti ini adalah diubahsuai berdasarkan kajian Barker dan Wright (1951)

Setelah sesi pertama dijalankan, seramai dua puluh sampel akan memerhatikan kurikulum tersembunyi yang dilakukan oleh sepuluh orang guru yang mengajar mata pelajaran di bilik darjah tempat kajian. Pemerhatian ini dijalankan selama dua bulan.

Sepanjang tempoh dua bulan ini sampel akan dipanggil untuk menjalani sesi temubual dengan penyelidik. Temubual dijalankan selepas sesi persekolahan dan sebanyak 17 soalan dikemukakan untuk mendapat respon pelajar terhadap kurikulum tersembunyi yang terdapat di bilik darjah. Temubual adalah berdasarkan temubual berstruktur dimana setiap sampel akan ditanyakan soalan yang sama. (Sila lihat lampiran 1) . Proses temubual juga dijalankan secara temubual individu Jawapan yang dikemukakan kepada penyelidik dirakamkan melalui pita rakaman dan ditranskripsikan semula oleh penyelidik. Analisa dibuat berdasarkan jawapan yang ditranskripsikan.

3.3 Asumsi Kajian

1. Jikalau pendidikan dianggap sebagai usaha menyediakan dan melengkapkan pelajar, maka apa yang dirancang dalam kurikulum merupakan sebahagian kecil sahaja daripada kurikulum tersebut, yang lain timbul daripada situasi-situasi yang tidak dirancang (kurikulum tersembunyi)
2. Struktur sosial di sekolah yang begitu kompleks, menyebabkan banyak perkara yang tidak dirancang lebih senang dan lebih berkesan dipelajari.
3. Guru merupakan orang yang paling lama berhadapan dengan pelajar di sekolah, maka banyak perkara yang bolch dipelajari daripada guru termasuk perlakuannya (kurikulum tersembunyi)
4. Guru secara langsung atau tidak langsung di dalam bilik darjah atau di luar bilik darjah, menunjuk ajar pelajar-pelajar perkara-perkara yang baik dan buruk di luar daripada mata pelajaran yang diajar.

5. Di sekolah terdapat guru-guru atau pelajar-pelajar yang boleh dijadikan model oleh pelajar. Dalam perkembangan personaliti pelajar, proses peniruan mengikut perawakan orang yang dipuja berlaku di sekolah
6. Tingkah laku yang tidak diduga sukar untuk dirancang tetapi banyak mempengaruhi dan membentuk personaliti pelajar.

3.4 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah pemerhatian daripada penyelidik, pemerhatian daripada 20 orang sampel yang dipilih dan temubual daripada sampel yang dipilih, untuk mendapatkan respon pelajar terhadap perlakuan guru yang menghasilkan kurikulum tersembunyi.

Pada peringkat permulaan kajian, penyelidik telah mengambil masa selama dua minggu untuk memerhati perlakuan guru semasa mengajar mata pelajaran. Penyelidik telah meminta kebenaran daripada guru mata pelajaran untuk membuat pemerhatian semasa mereka menjalankan aktiviti-aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik telah memerhatikan empat orang guru daripada sepuulu orang guru yang mengajar di kelas yang dipilih untuk menjalankan kajian ini. Tujuan pemerhatian ini dilakukan untuk menentukan adakah terdapat kurikulum tersembunyi di kelas tersebut. Hasil pemerhatian ini menyatakan kurikulum tersembunyi tersebut serta ditemakan. Pemerhatian ini dibuat juga bagi menjawab soalan kajian 1.

Selepas pemerhatian oleh penyelidik, pelajar yang dipilih sebagai sampel diminta membuat pemerhatian selama dua minggu. Pemerhatian dibuat semasa sampel menjalani proses pengajaran dan pembelajaran. Dua puluh sampel ini diminta untuk memerhatikan perlakuan-perlakuan guru semasa guru tersebut menjalankan aktiviti pengajaran bersama-sama sampel. Melalui pemerhatian ini sampel diminta menyenaraikan seberapa banyak perlakuan-perlakuan yang menghasilkan kurikulum tersembunyi. Bagi tujuan menentukan kurikulum tersembunyi sampel telah diberi pencerangan yang khusus tentang perkara tersebut. Hasil daripada pemerhatian ini, penyelidik telah menyenaraikan kesemua perlakuan tersebut dan ditemakan.

Semasa pemerhatian ini juga sampel telah diminta untuk menyenaraikan perlakuan secara individu sepuluh orang guru. Dua puluh sampel akan menyenaraikan perlakuan yang dilakukan oleh sepuluh orang guru tersebut. Pemerhatian ini dibuat selama satu masa pengajaran mata pelajaran iaitu selama empat puluh minit. Bagi mendapatkan hasil yang tepat penyelidik telah menentukan guru tersebut dengan berdasarkan nombor, contohnya guru satu, dua, tiga, empat, lima, enam, tujuh, lapan, sembilan, dan sepuluh. Perlakuan itu dipolakan dan dianalisis.

Selepas itu, sampel telah meneruskan pemerhatian selama dua bulan lagi bagi melihat kurikulum tersembunyi seperti yang telah dijelaskan kepada sampel. Selama dua bulan ini sampel akan dipanggil untuk menjalankan sesi temubual dengan penyelidik. Sesi temubual ini dijalankan selepas waktu perskolahan. Temubual ini dijalankan berdasarkan temubual berstruktur. Pada bulan pertama sepuluh sampel dipanggil untuk

sesi temubual dan pada bulan kedua sepuh sampel di panggil untuk sesi temubual. Tujuan sesi temubual ini dijalankan selama dua bulan bagi mendapatkan data yang tepat. Setiap sampel akan di tanya dengan tujuh belas soalan iaitu berkaitan dengan respon pelajar terhadap perlakuan guru yang menarik perhatian dan perlakuan guru yang tidak menarik perhatian sampel. Contoh soalan temubual dan transkrip jawapan sampel disertakan dalam lampiran.(Sila lihat lampiran 2,3, dan 4). Tujuan soalan temubual ini dikemukakan bagi menjawab soalan kajian dua dan soalan kajian tiga bagi kajian ini.

CARTA 1 : REKA BENTUK KAJIAN KURIKULUM TERSEMBOUNYI



Kajian ini adalah berdasarkan kepada model Stake dan model kurikulum tersembunyi yang dibentuk oleh Yeal (1992) yang berasaskan kepada pemerhatian dan temubual. Bagi tujuan kajian ini ianya telah diubahsuai bagi kesesuaian kajian ini di Malaysia. Kajian ini telah mengikuti sepuhul langkah seperti yang dikemukakan oleh model stake, iaitu merundingkan rangka kerja untuk penilaian, menyediakan topik dan isu, menghuraikan dengan jelas soalan untuk memandu penilaian, mengenal pasti skop kurikulum, membuat pemerhatian dan temubual, mengupas maklumat dan isu utama, mempersempitkan ringkasan keputusan, analisa, melihat bukti-bukti yang bolch membantalkan penemuan dan menyokong penemuan dan melaporkan keputusan. Hasil dari ubahsuai ini kajian ini berdasarkan rekabentuk seperti dalam carta di bawah :

CARTA 2 : MODEL COUNTENANCE YANG DIHASILKAN
OLEH R.E. STAKE

JANGKAAN

PENGHAKIMAN

PERINGKAT ANTISEDEN	1	4
PERINGKAT TRANSAKSI	2	5
PERINGKAT HASIL	3	6

MODEL KAJIAN YANG DIUBAHSUAIKAN BERDASARKAN MODEL STAKE

JANGKAAN

PEMERHATIAN

Terdapat kurikulum tersembunyi semasa guru mengajar di bilik darjah	Pemerhatian penyelidik terhadap empat orang guru Menyenarai 36 jenis perlakuan
Kurikulum Tersembunyi: berbagai jenis perlakuan iaitu : Gerak geri semasa mengajar Cara bertutur Respon guru kepada pelajar Jangkaan guru Cara guru menghormati dan menghargai pelajar	Pemerhatian dan temubual berstruktur daripada dua puluh sampel dan mendapat terdapat limapuluhan lima jenis perlakuan yang didefinisikan sebagaimana kurikulum tersembunyi
Pelajar memberi berbagai-bagai respon terhadap kurikulum tersembunyi.	Berdasarkan kepada pemerhatian dan temubual berstruktur: Terdapat kurikulum tersembunyi di sekolah. Pelajar memberi respon yang positif dan negatif kepada kurikulum tersembunyi. Kurikulum tersembunyi memberi kesan yang positif dan negatif kepada pelajar.

3.5 Penganalisaan Data

Data-data yang telah dirakamkan, telah ditranskripsikan dan dianalisa secara kaedah deskriptif. Hasil pemerhatian penyelidik telah disenaraikan dan hasil pemerhatian sampel juga disenaraikan dan digabungkan. Perlakuan-perlakuan (kurikulum tersembunyi) itu dipolakan dan ditemakan. Manakala hasil temubual itu juga dianalisis secara deskriptif dan dijelaskan dalam bab empat.